



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PROGRAM HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA (PHEKS) TAHUN 2025 PERINGKAT ZON UTARA (PULAU PINANG, KEDAH DAN PERLIS)

1. Iltizam Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) adalah sentiasa berdiri teguh bersama pekerja, memastikan suara mereka didengar dan hak mereka dipertahankan. Justeru, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM10 juta** bagi pelaksanaan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) tahun 2025 berbanding tahun 2024 iaitu RM5.8 juta dan ianya merupakan **paling tinggi** dalam sejarah. Sebanyak RM7.15 juta diagihkan kepada kesatuan sekerja mengikut kluster yang diluluskan dan sebanyak RM2.85 juta untuk peruntukan Program *Outreach* dan Program Khidmat Masyarakat (CSR).
2. PHEKS merupakan salah satu bantuan yang diberikan kepada kesatuan sekerja dan dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) di bawah KESUMA. Peruntukan ini diberikan kepada kesatuan sekerja di Malaysia bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan kesatuan sekerja. Objektif utama pelaksanaan PHEKS Tahun 2025 ini adalah untuk menyokong dan memantapkan pergerakan kesatuan sekerja melalui bantuan kewangan. Selain itu juga, ianya diharapkan dapat mewujudkan platform pendidikan untuk meningkatkan tahap kemahiran kepimpinan anggota kesatuan sekerja melalui pembelajaran secara berterusan. Ini bagi mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang matang dan progresif di Malaysia setara dengan kesatuan sekerja di peringkat antarabangsa dengan menerapkan konsep Malaysia Madani.
3. PHEKS merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang dibayar secara *one-off* kepada kesatuan sekerja yang berdaftar di Malaysia. Sebanyak lima (5) kluster telah ditawarkan kepada kesatuan sekerja iaitu Latihan dan Program Pendidikan, Kajian Pergerakan Kesatuan Sekerja, Penulisan Ilmiah Berkenaan Isu-Isu Perburuhan Berkaitan Kesatuan Sekerja,

Pembelian Perkakasan Komputer dan Pendigitalan Rekod Pengurusan Kesatuan Sekerja.

4. PHEKS 2025 telah menerima sejumlah 1,049 permohonan daripada pelbagai kesatuan sekerja di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 551 permohonan bernilai RM7.15 juta telah diluluskan. Sejumlah 72 permohonan bernilai RM858,227.00 yang diluluskan adalah untuk PHEKS 2025 Peringkat Zon Utara yang merangkumi negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.
5. Majlis Penyerahan PHEKS 2025 Peringkat Zon Utara telah diadakan di Ixora Hotel, Pulau Pinang dan majlis perasmianya telah disempurnakan oleh YB Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
22 JUN 2025